

**TRANSKRIP WAWANCARA  
BERSAMA**

**ENCIK FAUZI BIN YUSUFF  
PANDAI BESI DI KELANTAN**

**OLEH:**

<b>AISYAH AIYANI BINTI SHAHRUDDIN</b>	<b>2019678748</b>
<b>NUR FATIN ELLISYA BINTI MOHD. FAUZI</b>	<b>2019231002</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN  
KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana telah memberikan kesihatan yang baik dan memudahkan urusan kepada saya untuk menyelesaikan tugas Sejarah Lisan (Oral History) ini dengan lancar.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Kamariah binti Chik selaku pensyarah subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kerana telah memberi tunjuk ajar dan memudahkan cara untuk saya menyelesaikan tugas ini. Terima kasih juga diucapkan kerana sentiasa bersedia untuk menjawab setiap persoalan saya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Fauzi bin Yusuff selaku tokoh yang sudi meluangkan masa dan memberi erjasama untuk ditemubual bagi memenuhi keperluan tugas ini. Terima kasih juga diucapkan kerana sudi berkongsi cerita mengenai latar belakang dan pengalaman selama terlibat dalam bidang pertukangan besi ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan seperjuangan yang sudi bertungkus-lumus membantu menyiapkan tugas ini bersama-sama. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan sekelas yang sedia memberi tunjuk ajar dan cadangan yang bernas. Tidak dilupakan kepada ibubapa yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya dalam menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, sebelum menutup bicara, saya ingin mengucapkan sekalung terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pembikinan tugas ini secara langsung atau tidak langsung. Kesudian anda amat saya hargai.

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan antara tokoh Encik Fauzi bin Yusuf dengan pelajar iaitu Aisyah Aiyani binti Shahrudin dan Nur fatin Ellisya binti Mohd. Fauzi bagi memenuhi tugas subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan seorang Tokoh Pertukangan Besi. Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan ini, rekod-rekod sejarah berkenaan sesuatu peristiwa atau jalan cerita dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Sejarah lisan ini dapat dilakukan melalui kaedah temubual. Temubual yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimana seni warisan pertukangan besi ini diperjuangkan dan dikekalkan untuk diwarisi oleh generasi akan datang. Bagi melancarkan proses temubual ini, satu lembaran soalan telah disediakan untuk diajukan kepada tokoh yang terlibat. Lembaran soalan ini merangkumi beberapa bahagian penting termasuk latar belakang tokoh, pendidikan, kerjaya, pengalaman dan juga pencapaian atau anugerah yang pernah diterima oleh tokoh itu sendiri. Nasihat dan pandangan tokoh juga turut ditanyakan dalam sesi temubual tersebut. Kajian sejarah lisan ini diharapkan dapat membantu orang ramai untuk lebih mengetahui lebih lanjut mengenai bidang pembuatan besi yang juga merupakan salah satu warisan negara kita.*

**Kata Kunci:** *Sejarah lisan, temubual, tokoh, pertukangan besi, warisan*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan .....	v
Biodata Tokoh .....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	05
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh .....	08
Bahagian 3: Kerjaya Tokoh (Sebelum).....	10
Bahagian 4: Kerjaya Tokoh (Terkini).....	13
Bahagian 5: Pencapaian.....	38
Bahagian 6: Pendapat/Nasihat.....	41
Rujukan.....	47
Lampiran	
Log Temubual.....	50
Diari Kajian.....	56
Senarai soalan.....	59
Surat Perjanjian.....	64
Gambar.....	65
Indeks.....	68

# **BIODATA TOKOH**



## BIODATA TOKOH



Nama	Fauzi bin Yusuff
Nama Samaran	Cikgu Fauzi
Tempat Asal	Kampung Padang Embun, Tendong, Pasir Mas, Kelantan
Alamat	Kampung Hutan Pasir, 16450 Ketereh, Kelantan
No. Telefon	012-9287519
Emel	-
Profesion Sebelum	Guru
Profesion Sekarang	Tukang Besi
Bidang	Pertukangan Besi

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Di arus pemodenan ini, Golongan muda pada zaman era teknologi dilihat kurang berminat untuk menceburi diri dalam bidang warisan seni halus dan kraf terutamanya seni warisan pertukangan besi. Golongan muda kini dilihat lebih memilih untuk menceburi bidang- bidang moden contohnya seperti E-sukan, “content creator”, “Influencer” dan sebagainya.

Warisan disebut sebagai kumpulan aset dan hak seseorang. Dengan demikian, perkataan itu berasal dari patrimonium Latin, yang merujuk kepada apa yang telah diterima oleh garis keturunan ayah. Dalam pengertian ini, warisan juga merupakan hacienda yang diwarisi oleh nenek moyang mereka. Oleh itu, konsepnya, dari segi sejarah, dikaitkan dengan warisan. Warisan tidak ketara dipanggil set ciptaan intelek dan seni manusia, seperti sastera, falsafah, sains, agama, muzik, tarian, dan juga semua manifestasi sendiri budaya mereka, dan mereka adat dan tradisi.

Menurut Jabatan Warisan Negara (2016), dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, Warisan Tidak Ketara melibatkan pengekalan warisan yang wujud berhubung dengan warisan Malaysia yang mempunyai nilai estetik yang tinggi. Melihat kepada pengertiannya yang luas, tugas dan cabaran Jabatan Warisan Negara untuk meningkatkan usaha-usaha penyeliaan Warisan Tidak Ketara menjadikan semakin besar dan diberi keutamaan dari tahun ke tahun bagi mencapai matlamat untuk memulih, memelihara dan mengekalkan warisan Negara. Warisan tidak ketara digerakkan melalui empat cawangan iaitu Cawangan Adat dan Budaya merangkumi Adat dan Kepercayaan, Budaya Lingkungan, Adat Kitaran yang melibatkan adat istiadat, makanan, permainan tradisi, perubatan tradisional, seni pertahanan diri; Cawangan Seni Persembahan merangkumi muzik, tari, seni lakon; Cawangan Bahasa dan Persuratan merangkumi Bahasa, Tulisan Jawi, Manuskrip, Lagu Rakyat, Cerita Rakyat; Cawangan Seni Halus dan Kraf merangkumi busana, tekstil, seni hias diri dan kraf (motif ukiran, lukisan, anyaman, sulaman dan tekatan, seramik serta logam

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh yang pada asalnya merupakan seorang guru sekolah membuat keputusan untuk bergiat aktif dalam bidang pertukangan besi iaitu Encik Fauzi bin Yusuff iaitu seorang pandai besi di Kelantan. Rakaman temubual ini dijalankan secara bersemuka pada tarikh 13 November 2021 bersamaan hari Sabtu pada jam 8:44 pagi bertempat di rumah tokoh di Kampung Hutan Pasir Ketereh. Berikut adalah hasil rakaman

Petunjuk:

EFY: Encik Fauzi Yusuff

AAS: Aisyah Aiyani Shahrudin

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**AAS : Saya mulakan dengan latar peribadi cikgu lah. Boleh tak [tidak] cik-cikgu cerita sikit [sedikit] latar belakang cikgu seperti nama penuh, nama panggilan, umur, tarikh lahir pastu [seterusnya] tempat lahir?**

**EFY : (berdehem) Nama saya Fauzi bin Yusuff. Tinggal di Kampung Hutan Pasir. Berasal Kampung Padang Embun, Tendong, Pasir Mas, Kelantan.**

**AAS : (mengangguk kepala) Cikgu ada hobi dok [tidak] waktu- waktu lape [lapang] hobi selain bertukang?**

**EFY : Hobi selain daripada bertukang ni [ini] ialah saya bercucuk tanam.**

**AAS : (mengangguk kepala) Boleh tak [tidak] cikgu cerita sikit [sedikit]**

**sebanyak tentang latar belakang keluarga seperti ibubapa cikgu atau adik beradik?**

EFY : Orang tua saya sebenarnya bekerja sebagai tukang besi jugok [juga]. Jadi saya ni sebagai mewa- mewarisi daripada- ilmu daripada apa orang tua saya.

AAS : **Boleh tahu tak [tidak] nama ayah cikgu \_\_\_\_\_?**

EFY : Ayah saya nama—Yusuff bin Kasim.

AAS : **Nama mok [ibu]?**

EFY : Mariam binti Ismail.

AAS : **Adik-beradik ada berapa ore [orang]?**

EFY : Adik-beradik ada—yang ada sekarang ni lapan.

AAS : **Loni [sekarang] gapo [apa] kerjaya adik-beradik cikgu?**

EFY : Kerjaya adik-beradik saya banyak nak bagitahu tu.

AAS : (serentak) ada hok [yang] \_\_\_\_\_.

EFY : Lapan orang ni kebanyakannya - -

AAS : Ringkasan je [sahaja] lah.

EFY : Dua ore [orang] saja yang tidak bekerja kerajaan, yang lain semua kerja kerajaan. Ada dua ore [orang] tu sebagai doctor. Doktor Falsafah di UiTM [Universiti Teknologi MARA] sore [seorang] di apa (cuba mengingati) UMK [Universiti Malaysia Kelantan] sore [seorang]. Yang lain tu [itu] sebagai guru

dan berniaga lah. Takkan tak kenal itu apa MH Mohd?

AAS : (Mengangguk kepala) kenal.

EFY : MH Mohd tu [itu] adalah adik saya lah. Usahawan berjaya lah kiranya.

**AAS : Ho [Ya] lah Berjaya. Terkenal loni [sekarang]. Nak tanya sikit—cikgu, bila berkeluarga macam berkahwinlah?**

EFY : Saya kahwin—pada tahun (memejam mata untuk mengingati) 1989.

**AAS : Nama isteri cikgu? Nama gapo[apa]?**

EFY : Nama isteri Che Azizah binti Mat Ali.

**AAS : Isteri cikgu kerja dok[tidak]?**

EFY : Isteri saya tidak bekerja iaitu surirumah.

**AAS : Sebelum- Sebelum ni[ini] pernah kerja dok[tidak] sebelum ni[ini]?**

EFY : Sebelum pada ni[ini] tak[tidak] pernah kerja. (menggeleng kepala)

**AAS : Berapa ore [orang] anak cikgu?**

EFY : Anak saya seramai empat orang.

**AAS : Sekarang ni[ini] hok[yang] paling tuo[tua] umur brapo[berapa]?**

EFY : Paling tuo[tua] umur 40.

**AAS : Pastu[seterusnya], kerjaya anak cikgu loni[sekarang]?**

EFY : Kerjaya anak yang pertama, pesyarah di politek - - politek Kulim, Kedah [ dikenali sebagai Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah]. Yang kedua sebagai guru di Kelantan kita ni [ini]. Yang ketiga (memejam mata cuba mengingati) pensyarah UiTM [Universiti Teknologi MARA] Permatang Pauh. IR [Jurutera Profesional] dah sekarang ni.

AAS : **Ambik *course engineering* [kursus kejuruteraan]?**

EFY : (memejam mata cuba mengingati) apa ni[ini], kejuruteraan awam. Yang keempat ialah (memejam mata cuba mengingati) pensyarah juga di Terengganu.

AAS : **UiTM [Universiti Teknologi MARA] ke, universiti gapo[apa]?**

EFY : Kolej Komuniti.

## **5.2 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH**

AAS : **Pastu[seterusnya] kita ke latar belakang pendidikan cikgu. Dulu [dahulu] cikgu sekolah rendah, menengah mano [di mana]?**

EFY : (memejam mata cuba mengingati) Saya bersekolah di sekolah rendah Sekolah Kebangsaan Tendong, Pasir Mas, Kelantan dan sekolah menengah sampai tingkatan lima di situ, Sekolah Menengah Mahmud Mahyiddin, Pasir Pekan. Dan terus saya ke tingkatan enam di Jitra, Kedah.

AAS : **Boleh tak [tidak] cikgu cerita sikit [sedikit] kenangei [kenangan] manis, pahit hok [yang] cikgu tokleh [tidak boleh] lupu [lupa] masa zaman**



**sekolah?**

EFY : (memejam mata cuba mengingati) Semasa di sekolah - -. Pengalaman pahit ialah, semasa saya nak [hendak] pergi sekolah tu, saya *accident* (kemalangan)

AAS : (terkejut)... *accident* [kemalangan].

EFY : (mengganggu kepala) ha, [ya] *accident* [kemalangan] dilanggar oleh kereta. Saya naik[menunggang] basikal. Tu [itu] kenangan pahit lah. Kenangan manis ialah setelah saya berjaya mendapat pangkat satu [keputusan terbaik zaman dahulu] masa tu [itu] dalam SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] di Pasir Pekan. Dan terus saya ke tingkatan enam di Jitra, Kedah.

**AAS : Hok [yang] dapat pangkat satu [keputusan terbaik zaman dahulu] tu [itu], hok [yang] tu[itu] pencapaian terbaik cikgu lah?**

EFY : (mengganggu)

**AAS : Pastu [Selepas itu], cikgu lepas - cikgu tamat sekolah cikgu sambung mano [di mana]? Lepas tingkatan enam cikgu sambung mano [ke mana]?**

EFY : Semasa tingkatan enam tu, saya terus masuk ke USM [Universiti Sains Malaysia].

**AAS : (mengganggu kepala) USM [Universiti Sains Malaysia]. Pastu [selepas itu]cikgu sambung peringkat gapo [apa]? Ambil *course* [kursus] gapo [apa]?**

EFY : Peringkat ijazah lah. - - Saya guru lah.

**AAS : Cikgu ambil subjek gapo [apa] masa tu [itu]?**

**EFY : Ambil Sains Matematik [Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan Matematik].**

**AAS : Berapa lama cikgu belajar kat [dekat] USM [Universiti Sains Malaysia]?**

**EFY : Selama empat tahun.**

**AAS : (mengangguk kepala) Empat tahun. Cikgu ambil bidang guru tu cikgu minat ko [ke], meme [memang] maso[masa] tu [itu] --**

**EFY : Meme [memang] saya minat guru.**

**AAS : (angguk kepala) Meme [memang] minat.**

**EFY : Meme [memang] saya minat guru.**

**AAS : Pastu [seterusnya], apa pencapaian cikgu masa cikgu belajar di USM [Univesiti Sains Malaysia]?**

**EFY : Pencapaian?**

**AAS : (Mengangguk kepala mengiyakan) ya \_\_\_\_\_.**

**EFY : Pencapaian semasa di USM [Universiti Sains Malaysia] tu, saya hanya berjaya gitu [begitu] lah. Berjaya lulus itulah kejayaan.**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: KERJAYA TOKOH (SEBELUM)**

**AAS : Untuk bidang kerjaya ni [ini], saya nak tanya gapo [apa] pekerjaan pertama cikgu selepas tamat belajar?**

**EFY : Selepas tamat belajar tu [itu], pekerjaan saya ialah saya menolong orang tua saya membuat kerja ni [ini] lah - - buat kerja pertukangan besi.**

**AAS : Pastu [selepas itu] baru jadi cikgu?**

**EFY : Ha [mengiyakan] pastu [selepas itu] baru jadi cikgu.**

**AAS : Subjek gapo [apa] cikgu ngajar [mengajar]?**

**EFY : Saya ngajar masa tu [itu] Kemahiran Hidup dengan Matematik.**

**AAS : Berapa lama cikgu berkhidmat sebagai guru kat [di] sekolah?**

**EFY : Saya berkhidmat sebagai guru selama 35 tahun dan saya pencen awal lah.**

**AAS : (mengangguk kepala) Cikgu ngajar [mengajar] sekolah mana?**

**EFY : Ye (meminta kepastian)?**

**AAS : Cikgu ngajar [mengajar] sekolah mana?**

**EFY : Sekolah Menengah Kok Lanas.**

**AAS : Nak tanya sikit, apa perasaan cikgu mula-mula kijo [kerja] jadi cikgu?  
Perasaan \_\_\_\_\_.**

**EFY : Perasaan saya semasa mula-mula saya dapat menjadi guru, saya gembiralah.**

Gembira tidak terhingga (sebak), sebab saya boleh menolong keluarga dan tunjuk kepada adik-adik yang lain lah. Sebagai tauladan - - contoh dan tauladan kepada adik-adik yang lain.

**AAS : Lupa nak tanya, cikgu anak ke berapa tu?**

EFY : Saya anak yang pertama.

**AAS : Yang pertama - - anak sulung (mengangguk kepala) patutlah. (Jeda) Masa cikgu kerja jadi cikgu tu [itu], cikgu ada juga buat pertukangan besi ni [ini]? - - Sambilan- sambilan gitulah [begitulah].**

EFY : Semasa saya jadi guru tu [itu] (jeda, tokoh cuba mengingati) ada juga saya ada masa lapanglah, ada masa luang saya buat pertukangan besi ni.

**AAS : Tolong ayah lah? (Jeda) berapa hari dalam seminggu cikgu buat kijo [kerja]?**

EFY : Saya- - masa saya mengajar tu, saya buat kerja waktu petang.

AAS : Waktu petang, \_\_\_\_\_ bertukang.

EFY : Waktu petang tu [itu] tidak semestinya, mungkin 2 jam, 3 jam gitulah [begitulah].

**AAS : Pastu cikgu bahagikan masa dengan keluarga gano [bagaimana]?**

EFY : Keluarga--. Kerja pertukangan besi mugo [sebab] duduk di rumoh [rumah] kan, duduk sekali. Begitulah (mengubah posisi kedudukan).

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH (TERKINI)

**AAS : Mudoh [mudah] lah sikit dok [kan]? (Jeda) Nak tanya, bila- bila cikgu terlibat secara aktif lah selepas- selepas cikgu sara [bersara] tu - - cikgu terlibat secara aktif dalam pertukangan ni [ini]?**

**EFY : Saya aktif dalam pertukangan ni [ini] semasa saya jadi guru lagi. Iaitu lebih kurang daripada sekarang ni [ini], 20 tahun lebih lah. 20 tahun lebih saya sudah mula aktif dalam pertukangan besi ini. Sehingga sekaranglah (serentak dengan soalan penemubual)**

**AAS : (serentak dengan tokoh). Tahun berapa cikgu sara [bersara] tu, pastu terus buat kerja pertukangan besi?**

**EFY : Saya bersara tahun 2010. Bersara awal iaitu 55 tahun- umur saya 55 tahun saya sudah bersara.**

**AAS : Gano cikgu boleh terlibat dengan pertukangan besi ni [ini]?**

**EFY : Saya boleh terlibat dengan pertukangan besi ni [ini] kerana saya minat dan (cuba memikirkan ayat) saya takut hilang seni daripada keluarga saya lah. - -Arwah orang tua saya.**

**AAS : Loni [sekarang] gak [kan], ramai orang tak [tidak] buat benda ni [ini] kan?**

EFY : (mengiyakan)

AAS : **Masatu, cikgu nak [hendak] berhenti kerja sebagai cikgu - - nak [hendak] bersara tu - - sebab apa cikgu nak berhenti, gitulah [begitulah]?**

EFY : Saya fikir masa tu [itu] saya berhenti- - bersara awal ni sebab saya rasa saya boleh hidup- - hidup dengan apa ni, - - pekerjaan pertukangan besi ini kerana saya sudah dapat membeli mesin, iaitu mesin *Air Hammer* [mesin pengetuk]. Dan pula mengenai anak-anak saya telah berjaya belaka [semua]. Empat ore [orang] telah berjaya belaka [semua].

AAS : Membanggakan cikgu.

EFY : (mengiyakan). Tanggung- tanggungjawab tu [itu] sudah- sudah habislah bagi saya lah.

AAS : **(mengangguk faham). Gano [bagaimana] cikgu royak [beritahu] ko [kepada] keluarga cikgu hok [yang] cikgu nok [hendak] ambil alih bidang ni—. Lepas jadi cikgu tu nak berhenti.**

EFY : Setakat sekarang ni [ini], tidak- tidak ada lagi anak yang mengambil alih, sebab anak-anak saya semua kerja kerajaan. Jadi, pada sesiapa lah, yang ingin untuk belajar pertukangan besi ni, saya alu-alukanlah untuk datang belajar daripada sayalah. Saya sukarelalah untuk mem- membagi ilmu ni [ini]

AAS : **(mengangguk faham). Masa cikgu bersara tu, kan dari jadi cikgu kepada pertukangan besi ni [ini], cikgu royak [beritahu] dok [tidak] ke [kepada]**

**mokpok [ibubapa] cikgu nak [hendak] berhenti jadi cikgu?**

EFY : Saya tak bagitahu sebab- -

**AAS : Mokpok [ibubapa] setuju jelah?**

EFY : Mokpok [ibubapa]- -. Ibubapa saya memang dia--. Yang lelaki tu dah meninggal dah, tinggal ibu sahaja. Takpo [tidak apa] saya tak [tidak] bagitahu.

**AAS : Gapo [apa] perasaan cikgu bila dapat terlibat dalam bidang ni sepenuhnya lepas bersara \_\_\_\_\_?**

EFY : Setelah saya terlibat \_\_\_\_\_ bidang pertukangan besi dengan sepenuhnya, saya rasa amat gembira sekali sebab minat saya tu ... ada.

**AAS : Lebih banyaklah daripada \_\_\_\_\_? (serentak dengan tokoh)**

EFY : (mengiyakan) Minat saya tadi - -Lebih gapo [apa] orang kata (ketawa)

**AAS : Lebih lagilah daripada kerja haritu dok [kan]? (serentak dengan tokoh)**

EFY : (mengiyakan)... pendapatan- - dari segi pendapatan tu lebih lagi- - lebih lumayan daripada menjadi guru.

**AAS : Nak tanya, gapo [apa] hasil pertuka- pertukangan besi hok [yang] pertama cikgu buat?**

EFY : Pertukangan besi yang saya buat- - yang pertama sekali saya buat ialah sabit. Sebab orang tua saya ni, dia, orang panggil *specialist* (pakar) dalam bidang buat sabit. Sabit ni orang Kelantan panggil sadat [sabit].

**AAS : Mana cikgu belajar pertukangan besi, dari keluarga ke, ada lagi cikgu belajar dengan orang lain?**

EFY : (mengubah posisi kedudukan). Saya tak [tidak] belajar dengan orang lain, Cuma saya belajar dengan orang tua saya sahaja.

**AAS : Cikgu ni generasi keberapa hok [yang] buat pertukangan besi ni?**

EFY : Pertukangan besi ni saya daripada generasi ketiga.

**AAS : Cikgu melibatkan diri daripada- dari pertukangan besi ni sebabkan untuk kekalkan warisan keluarga ke, cikgu memang minat betul-betul?**

EFY : Saya terlibat dalam pertukangan besi ni bukan untuk kepentingan keluarga, hanya semata-mata minat (bersungguh-sungguh) dan orang tua saya pun pernah suruh saya bekerja ni [ini]. Dia takut hilang ilmu- - ilmu (serentak dengan penemubual) pertukangan besi.

**AAS : (serentak dengan tokoh). \_\_\_\_\_ ilmu orang lama. Ada tak ahli keluarga cikgu hok [yang] terlibat dalam bidang pertukangan besi?**

EFY : ... setakat harini, ahli keluarga saya tidak ada. Saya sorang saja yang terlibat dalam bidang pertukangan besi ini.

**AAS : Ada tak ahli keluarga cikgu hok [yang] macam bantu- bantu cikgulah masa nak [hendak] buat pertukangan besi \_\_\_\_\_ sikit-sikit?**

EFY : ... tidak ada (menggelengkan kepala).



**AAS : Kegiatan pertukangan besi ni [ini], punca pendapatan utama cikgu ko [kah], ada lagi cikgu buat kerja lain?**

EFY : (mengubah posisi kedudukan) Sekarang ni setelah saya buat pertukangan besi sepenuh masa, sumber pendapatan lain tidak ada lah. Hanya pencen...

**AAS : (mengangguk faham) Cikgu perlukan modal besar tak [tidak] untuk mulakan pertukangan besi ni [ini]? Anggaran modal berapa?**

EFY : Untuk memulakan pertukangan besi ni- pada masa ini, dia memerlukan modal yang besar jugok [juga]. Umpamanya, kita kena ada mesin *Air Hammer* [mesin pengetuk] untuk- - mesin pengetuk dia panggil. Jadi, *air Hammer* [mesin pengetuk] tu, - -18 tahun yang lalu, saya beli harga dia dengan harga 30 ribu, RM [Ringgit Malaysia] Malaysia. Jadi benda tu kita *order* [tempah] dari negeri China. Jadi sekarang ni saya tak da- tak tahu berapalah harganya-- 18 tahun yang lalu-- . Kalau tidak ada apa ni, *Air hammer* [mesin pengetuk] sekarang ni tak boleh nak buat ketuk dengan tangan,(menggeleng kepala) - - tak boleh.

**AAS : Dok [tidak] cekak [larat] lah?**

EFY : (mengiyakan) --nak [hendak] bagi orang mudo [muda] sekalipun (menggeleng kepala) tak [tidak] boleh. Dia kena ada *Air Hammer* [mesin pengetuk] jugok [juga].

**AAS : Peralat- peralatan penting hok [yang] kena guna untuk menempa besi ni [ini] selain mesin *Air Hammer* [mesin pengetuk] tu [itu] gapo [apa] lagi?**

EFY : Banyak lagi alat selain daripada *Air Hammer* [mesin pengetuk] ni [ini] kita

ad- kena ada *blower* [mesin angin]. *Blower* [mesin angin] ni [ini] untuk angin (menggerakkan tangan menunjukkan isyarat pergerakan angin)- - untuk kita tiup angin tu- - untuk (membuat pergerakan tangan seperti api membakar) membak- bakar aghe [arang] tu [itu].

AAS : (mengangguk faham)

EFY : Jadi besi tu [itu] kita bakar dalam aghe [arang], lepastu [selepas itu], bila dia meroh [membara] baru kita ketuk. Kita kena ada pengapit dia. Pengapit untuk pegang besi. Kena ada tukul- - tukul biasalah, Secara manual untuk betul- betul [membetulkan] besi yang bengkok-bengkok(menunjukkan isyarat bengkok)... \_\_\_\_\_ (serentak dengan penemubual) untuk membengkok besi.

AAS : (serentak dengan tokoh sambil tangan menunjuk kearah pengapit)  
**pengapit tu [itu] cikgu beli mana?**

EFY : Ya? (minta kepastian)

AAS : (tangan menunjuk kearah pengapit) **Pengapit besi tu[itu] cikgu beli mana?**

EFY : Pengapit besi ni saya buat sendiri.

AAS : Buat sendiri (mengangguk faham)

EFY : (ketawa) takdok [tiada] jual di kedai.

AAS : **Pernah tak cikgu buat peralatan besi ini secara tradisional, guna tange [tangan] tak guna mesin \_\_\_\_\_?**

EFY : Pada awalnya, saya buat dengan tradisional lah. - -Ketuk dengan tangan lah.  
Masa mula-mula saya buat sabit dulu, (mengangguk kepala mengiyakan) saya  
buat secara manual lah—secara tange [tangan].

AAS : **Guna tukul hok [yang] besar (serentak dengan tokoh)?**

EFY : (serentak dengan penemubual) Guna tukul biasa lah, tukul besar.

AAS : **(mengangguk faham). Boleh tak [tidak] cikgu cerita sikit, cara  
pembuatan besi daripada awal pastu [hingga] akhir? Secara ringkasan  
jela [sahajalah].**

EFY : ... apa dia? (mendekatkan telinga ke penemubual)

AAS : Cara pembuatan besi- -

EFY : Pembuatan?

AAS : Cara nak buat alat- alat besi dari awal hingga akhir. Ringkas-ringkas jela. - -  
hok [yang] asas.

EFY : Mula-mula sekali kita nak buat apa tu misalnya?

AAS : Mula-mula, daripada--

EFY : Kita nak buat sabit kita kata dok [kan]?

AAS : (mengangguk kepala mengiyakan) ... sabit.

EFY : Kita nak [hendak] buat sabit tu [itu], kita kena pilih dulu [dahulu] besi. Kita  
pilih besi yang sesuai lah untuk buat sabit tu [itu]. Sekarang ni [ini] saya buat

sabit menggunakan besi *spring* [nama besi]- - ia panggil besi *spring* [nama besi]. Kemudian kita potong besi *spring* [nama besi] tu [itu] dalam lebih kurang lima inci- - kita potong recong [secara menyerong] gitu [begitu], kemudian kita ketuklah. Kita bakar dalam--(tangan menunjukkan kearah dapur) dapur kita, kemudian bagi dia merah [membara]. Kita ketuk gitu [begitu], kita bentuk bagi dia jadi sabitlah dan kita (membuat isyarat tangan seperti membuka) buka dia supaya jadi nipis, baru jadi bentuk sabit.

**AAS : \_\_\_\_\_ nak bagi dia biar tajam tu?**

**EFY :** Hoktu [yang tu] bagi apa ni, sabit tu tajam kita kena *grinder* [canai atau mengasah menggunakan mesin canai] dia. *Grinder* [canai atau mengasah menggunakan mesin canai] ni maksud dia canai lah.

**AAS : Ada mesin dia lah?**

**EFY :** (angguk kepala) Ha, mesin canai. Mesin *grinder* [mesin pengasah atau pencanai] dia- -. Mesin *grinder* [mesin pengasah atau pencanai] tu [itu] dia ada dua saiz. Satu mesin *grinder* [mesin pengasah atau pencanai] kecil, satu mesin *grinder* [mesin pengasah atau pencanai] besar.

**AAS : Hok [yang] kecil tu [itu] untuk gapo [apa]? Hok [yang] besar tu [itu] untuk gapo [apa]?**

**EFY :** Untuk menyamakan besilah.

**AAS : (angguk kepala) bezalah saiz besar kecik tu?**

**EFY :** Ya, bezalah. Dia mata dia- - mata canai dia pun, hoktu [yang itu] empat inci

dah (menunjukkan anggaran saiz). Hok [yang] mata canai besar dia tujuh inci. Nanti lepas ni [ini] saya tunjuk.

**AAS : Hok [yang] tu [itu] untuk buat gapo [apa]? Hok [yang] besar tu [itu] gapo [apa]?**

EFY : Untuk- - kita panggil, hok [yang] mulo-mulolah [mula-mula] - -kita canai mulo-mulo [mula-mula] untuk bentuk dan \_\_\_\_\_. Untuk canai peringkat yang mulo-mulolah [mula-mula]- - peringkat awal.

**AAS : Kalu [kalau] bakar dalam api tu [itu] (tangan menunjuk ke arah dapur pembakar) berapa lama masa?**

EFY : Mana (meminta kepastian)?

**AAS : Kalu [kalau] bakar dalam api berapa lama?**

EFY : Bakar dalam api tu [itu] kita (menggeleng kepala) tak [tidak] boleh nak [hendak] tengok masa. Sebab kita bukei [bukan] kile [kilang]. Kalu [kalau] kile [kilang] dia ada *temperature* [suhu] dia. Ada suhu dia dok [kan]? Ni [ini] kita takdok [tiada], kita tengok dengan mata sahaja.

**AAS : Lama jugok [juga] ke nok [hendak] biar meroh [membara] tu [itu]?**

EFY : Dia tengok keadaan besi. Kalu [kalau] besi tu [itu] tebal dia lambat, kalu [kalau] besi tu [itu] nipis dia cepat. Kita tak [tidak] boleh (menggerakkan tangan tanda tidak boleh) nak tentukan masa berapa minit - -berapa minit.

**AAS : Apakah ciri-ciri penting untuk- - yang perlu dititikberatkan untuk**

**menempa besi? Benda hok [yang] pentinglah.**

EFY : Perkara yang penting dititikberatkan semasa kita wak [buat] besi--  
pertukangan besi ni [ini] ialah, masa kita bakar besi tu [itu] --Kita bakar besi  
tu [itu] kalau terlampau lama besi tu [itu] akan putus. Dia cair- - besi tu cair  
dalam api ia akan- -kita tarik (isyarat tangan seperti menarik) tengok, putus.

**AAS : Kalau putus tu tokleh [tidak boleh] wak [buat] gano [apa] doh [dah] lah?**

EFY : Ha tokleh [tidak boleh] wak [buat] apa lah kalau dia putus.

**AAS : Kena guna besi lain lah pulok [pula]?**

EFY : Ha kena guna- -cari besi lain pulok lah.

**AAS : Peralatan gapo [apa] hok [yang] paling rumit, pahtu [selepas itu] paling  
guna banyak masa nak siapkan benda?**

EFY : Peralatan?

AAS : Ha peralatan besi tu lah.

EFY : Peralatan dia semasa kita nak membengkok- - nak membengkok besi untuk  
bentuk sesuatu- - sesuatu benda yang kita nak buat tu [itu]. Nak membengkok  
tu memakan tenaga, sebab kita tak[tidak] boleh nak guna mesin.

**AAS : Barang besi gapo [apa] hok [yang] lama- -ambil masa lama nak siap?  
Selain sabit, sabit cepat\_\_\_\_\_.**

EFY : Sabit alat yang paling lama sekali nak buat ialah orang panggil sabit kuwek  
[sejenis sabit].

**AAS : Sabit kuwek [sejenis sabit]?**

EFY : (angguk kepala) ha, sadat [panggilan sabit bagi orang Kelantan] kuwek orang panggil.

**AAS : Dia macam gano --.[mana] bentuk dia tu [itu]?**

EFY : Sadat [panggilan sabit bagi orang Kelantan] kuwek [jenis sabit] ni [ini] boleh-  
- boleh gi ambik nok tengok [ bertanya untuk ambil barang ]?

AAS : Takpolah [tidak mengapalah] , nanti kita bergambar.

EFY : Sadat [panggilan sabit bagi orang Kelantan] kuwek [jenis sabit] ni [ini] sebab dia - -kita nak buat dia punya (menunjukkan isyarat jari) tonggek [lekuk], - - orang panggil tonggek [lekuk] ke gapo [apa] eh?

**AAS : Hulu dia ke?**

EFY : Bukan hulu, dekat dengan mata dia tu ada tonggek [lekuk] gitu. Jadi payoh tu. Nok buat hok [yang] tu [itu] jadi makan masa. Kalu sadat [panggilan sabit bagi orang Kelantan] biasa kita boleh buat satu hari sepuluh bilah- -. Kita boleh ketuk sepuluh bilah satu hari. Kalu [kalau] sadat [panggilan sabit bagi orang Kelantan] kuwek [jenis sabit] ni [ini] kita boleh enam- - enam bilah pun (membuat reaksi seperti mengeluh penat) sapa [sehingga] pukul empat baru boleh berhenti.

AAS : Lama tu.

EFY : Lambat sebab kita nak proses bagi dia bengkok tu lambat.

**AAS : Pernah tak [tidak] cikgu buat barang besi daripada, contoh hok [yang] pelanggan bagi?**

EFY : Ada (angguk kepala). Ada hok [yang] saya menerima tempahan ada.

**AAS : Dalam banyak-banyak contoh tu [itu], ada tak [tidak] hok [yang] macam cikgu macam tengok menarik perhatian cikgulah? Contoh tu comel ke?**

EFY : Hok [yang] menarik sekali ialah- -, apa ni [ini] dia panggil paranglah. Parang Jambul [nama sejenis parang] ataupun orang Kelantan kita panggil Parang Calung [panggilan lain untuk Parang Jambul bagi orang Kelantan].

**AAS : Parang gapo [apa]?**

EFY : Parang Calung.

**AAS : Calung. (mengangguk faham)**

EFY : Dia ada jambul—Dia tu parang, kemudian dia ada jambul atas. Setengah orang panggil Parang Jambul, orang dulu-dulu panggil Parang Calung.

**AAS : Sekarang ni [ini] ada lah dengan cikgu parang tu?**

EFY : Parang Calung tu, kemarin baru ada orang ambik. (ketawa)

**AAS : Tak [tidak] apo [mengapa].**

EFY : Allah comel-comel marin [semalam] (teruja). Sepuluh bilah (menunjukkan isyarat tangan) marin [semalam] orang ambil. Ada *sample* [contoh] tapi hok [yang] tak [tidak] siplah.



**AAS** : **Ada tak co-...corak reka bentuk hok [yang] pelanggan bagi tu terus boleh dihasilkan atau kena pinda balik?**

**EFY** : ... pelanggan tu, kita buat serupo [serupa] lah—serupo [serupa] hok [yang] kehendak dia lah.

**AAS** : **Takdok [tiada] lah macam kena baiki balik ke?**

**EFY** : Ha, takdok (menggeleng kepala).

**AAS** : **Takdok [tiada].**

**EFY** : Serupo [serupa] dengan hok [yang] dio [dia] tu—kita buat.

**AAS** : **Bahan mentah cikgu nok [hendak] wak [buat] bertukang tu, [itu] cikgu ambil mano [dimana]?**

**EFY** : Besi untuk bahan mentah ni [ini] saya beli di kedai—kedai besilah.

**AAS** : **(angguk kepala) Pastu [selepas itu] ada jugaklah ambil dengan pelanggan?**

**EFY** : Hok [yang] pelanggan biasanya pelanggan tu--[itu] hok [yang] orang tempah tu [itu] dia bawa sendiri besi dia.

**AAS** : **(angguk kepala)**

**EFY** : Besi dia—dia bawa sendiri.

**AAS** : **Banyak-banyak besi, besi hok [yang] mano [mana] cikgu rasa paling**

**susoh [susah] nak [hendak] tempa?**

EFY : Besi yang paling tajam sekali lah—Besi Boring—Besi boring ni adalah batang boring yang digunakan untuk menebuk batu—bukit kuari. Ia tebuk lubang untuk letak bom untuk letupkan besi. Batang besi itulah. Tajam besi tu dan satu lagi adalah besi mata ketam. Ketam yang ketam kayu. Yang tebal.

**AAS : Lama tak nak tempa?**

EFY : Macam tu lah. Lambat sebab ia keras.

**AAS : Anggaran ia berapa jam?**

EFY : Apa?

**AAS : Anggaran masa diambil berapa jam?**

EFY : Tengok atas benda tu. Atas benda yang kita nak buat. Kalau benda tu macam golok tu tak sampai sejam satu bilah. Kalau macam—sabit kuek tadi tu lambat. Makan masa tuh.

**AAS : Pernah tak cikgu terima besi batang paip untuk ditempa?**

EFY : Tak pernah. Batang paip tak boleh nak buat

**AAS : Besi macam GI [Besi galvanis] tu?**

EFY : Ha tak boleh.

**AAS : Kenapa, sebab keras ke?**

EFY : Sebab ia ada lubang dan ia bukan jenis besi.

AAS : **Bukan betul kan ia besi campuran?**

EFY : GI [Besi galvanis] ni ia macam campuran aluminium. Bila kita bakar ia akan menjadi cair. Ia macam aluminium.

AAS : **Saya ada nampak sarung alatan besi bentuk ikan arowana tu. Saya nak tanya, yang tu corak daripada pelanggan ke corak cikgu lukis sendiri.**

EFY : ulu?

AAS : **Sarung besi ikan arowana.**

EFY : Ikan arowana. Ia daripada saya lah

AAS : **Cikgu lukis sendiri la tu?**

EFY : Haah. (mengiakan)

AAS : **Ukiran tu nampak kreatif sangat. Cikgu belajar kat mana mengukir tu? Dengan ayah cikgu jugak ke?**

EFY : Ukiran tu saya belajar dengan orang tua saya jugak.

AAS : **Ada lagi tak corak selain corak ikan arowana yang cikgu buat?**

EFY : Corak ikan tu saya buat—takde lah setakat ni saya buat ikan saja. Mahal tu ikan seekor.

AAS : **Anggaran ia berapa cikgu jual?**

EFY : : Harga tu RM800 seekor. Siap sekali dengan sarung, macam ikan betul-betul. Nak tunjuk tak ada dah, diambil orang dah.

AAS : **Kalau orang bawa besi pastu suruh buat tu murah la sikit kan harga dia?**

EFY : Mm [mengiayakan]

AAS : **Pernah tak terjadi kalau cikgu siap tempa besi tapi pelanggan tak berkenan dengan *design*(corak).**

EFY : Tak ada.

AAS : **Apa kemahiran asas untuk menempa besi? Untuk memulakan pertukangan besi ini lah.**

EFY : kemahiran asasnya, seperti—masa membakar besi tu kena berhati-hati. Satu. Kemudian, kemahiran—untuk melihat besi tu. Besi peringat awal tu besi—tebal atau nipis--boleh. Kalau besi nipis tak boleh nak buat benda ni. Kita tengok sesuai ke tak sesuai besi yang kita nak buat, untuk kemahiran\_.

AAS : **Anggaran ia [besi] tebal mana?**

EFY : : Tengok benda atas kita nak buat. Kalau kita nak buat sabit—tak tebal mana besi. Kalau kita nak buat parang tu kena tebal lagi. Kalau besi nipis ia tak jadi lah. Bila kita ketuk ia jadi berlipat. Tak boleh.

AAS : **Pernah tak berlaku macam kecederaan ke semasa melakukan pertukangan?**

EFY : Semasa bekerja ni—kerja dalam bahaya ni—kerja macam ni—ia jadi biasa dah. Masuk apa ni—dah pernah masuk ni (tunjuk kat bahagian mata)—masuk semasa kita mencanai tu, ia masuk habuk dalam mata.

AAS : **Habuk besi ke?**

EFY : Ha [mengiakan], Habuk besi dalam mata. Kena pergi klinik tuh. Biasa dah tu.

AAS : **Lepastu apa langkah keselamatan yang cikgu buat?**

EFY : Keselamatan tu kita pakai goggles. Masa kita nak mencanai tu kita pakai goggles—pakai sarung tangan—pakai spec tu mestilah.

AAS : **Yelah. Nak jaga mata kan.**

EFY : Ha [mengiakan].

AAS : **Alatan besi tu cikgu buat yang siap terus jual ke cikgu terima tempahan sahaja?**

EFY : Setakat hari ni setelah siap barang-barang saya buat tu—saya buat lah yang tempahan.

AAS : **Cikgu jual kat mana tu?**

EFY : Setakat sekarang—di pasar Siti Khadijah

AAS : **Pasar lain tak ada lagi lah?**

EFY : Yelah. Tak sempat nak buat. Pasar Siti Khadijah pon tak sempat. Semalam — parang Calong sepuluh bilah, Klewang sepuluh bilah. Semalam—orang

datang ambik—yang tempah.

**AAS : Kalau nak tempah—tempah macam mana? Call ke kena datang sendiri?**

**EFY : Biasanya dia [pelanggan] ada nombor telefon. Dia [pelanggan] telefon lah**

**AAS : Cakap macam tu jelah?**

**EFY : Ha (mengiakan).**

**AAS : Kalau yang nak buat contoh kena datang sendiri lah kiranya?**

**EFY : Tak payah contoh dah – dia [pelanggan] sebut nama je – dia [pelanggan] sebut nama apa jenis alat apa dia nak – kita buat lah.**

**AAS : Kalau nak design contoh baru barulah\_\_\_?**

**EFY : Ha. (mengiakan) Kalau nak bawa sampel dia [pelanggan] pon boleh jugak.**

**AAS : Kadar bayaran untuk sesetengah barang tu berapa? Contohnya tadi macam cikgu cakap macam sabit?**

**EFY : Sabit tu RM50 sebilah—siap sekali dengan ulu. Semualah. Siap boleh guna lah. RM 50 sebilah saya jual.**

**AAS : Pastu lagi. Yang cikgu buat apa lagi?**

**EFY : Parang RM50 jugak, sadak [sabit] kuek [sabit yang mata bilahnya seakan-akan kepala itik] RM60**

**AAS : Klewang [senjata lama orang melayu]?**

EFY : klewang [senjata lama orang melayu] RM70

AAS : **Apa lagi?**

EFY : Parang calong [ senjata lama orang melayu], parang jambul [parang calong] tadi RM70 jugak.

AAS : **Lagi, ada lagi?**

EFY : Banyak—lagi, keris.

AAS : **keris?**

EFY : keris RM1500.

AAS : **Owh, mahal—dia ada jenis-jenis keris ke cikgu buat, macam cikgu kata tadi?**

EFY : Ya (mengiakan). Besi kena buat -- keris ni, Mata keris kena buat dengan besi yang ada pama lah, besi lama, kalau besi baru -.

AAS : **tak jadi?**

EFY : Jadi—tapi orang tak berkenan lah. Kena buat dengan besi lama. Besi pama dia panggil [gelarannya]

AAS : **Corak sarung keris tu cikgu lukis jugak ke?**

EFY : Saya tak lukis, saya buat sendiri (tersenyum) gitu jah [macam tu je]

AAS : **Pastu [selepas itu] cikgu ada iklan tak mana-mana pertukangan besi**

**cikgu?**

EFY : Ada iklan dalam—tak ingat dah dalam apa (mengelengkan kepala).

**AAS : facebook ada?**

EFY : Ha dalam facebook ada, dalam Google dengan youtube.

**AAS : Orang interview hari tulah?**

EFY : Ha, orang interview haritu masuk ke dalam google dan youtube.

**AAS : Kiranya, cikgu menempa besi ni sorang je lah tak de [tiada] orang tolong?**

EFY : Ada orang yang\_\_\_pembantu dua orang.

**AAS : Ahli keluarga jugak [juga] ke memang pekerja?**

EFY : Bukan, orang lain, pekerja (serentak dengan penemubual)

**AAS : Pernah tak cikgu terima tempahan dari luar negara?**

EFY : Luar negara tidak ada tapi luar negeri ada.

**AAS : Mana tuh [di mana]?**

EFY : Seperti Pahang, Kuala Lipis, Kuala Terengganu—Kedah, Johor, Melaka, paling ramai sekali KL [Kuala Lumpur].

**AAS : Gapo [apa] yang dia [pelanggan] tempah?**

EFY : biasanya, Golok



**AAS : Golok jelah [sahaja]?**

EFY : Golok, pedang.

**AAS : Gotu [yang tu] cikgu tak buat, tombak \_\_\_\_\_ ?**

EFY : Mata lembing?

**AAS : Ha (mengiakan), mata lembing.**

EFY : Mata lembing kita buat jugak tapi untuk sini [disini sahaja], dalam negeri Kelantan

**AAS : Kalau orang tempah, cikgu hantar sendiri atau diorang datang ambil?**

EFY : Bagi barang-barang tempahan ni, biasanya, pembeli lah mari [datang] ambil.

**AAS : Kalau yang tempah dari luar negeri tu pos ke?**

EFY : Luar negeri, kita pos lah (serentak dengan penemubual)

**AAS : cikgu buka tak bengkel pertukangan besi kepada orang yang berminat nak belajar? Buat kelas.**

EFY : Eh (meminta untuk ulang soalan).

**AAS : Cikgu ada buka tak bengkel untuk buat kelas \_\_\_\_?**

EFY : Kita offer [tawar], kita memang offer [tawar] untuk siapa-siapa yang nak belajar apa ni – pertukangan besi ni, tapi setakat sekarang ni tidak ada lagi yang – bertahan lama, yang mewarisi tidak ada lagi.

**AAS : Orang muda lah yang kebanyakan [majoritinya].**

**EFY :** kebanyakan orang muda tu dia mari [datang] belajar. Mari belajar – sekerat jalan. Sekerat jalan selepastu (membuat isyarat pergi dengan tangan) berambus [pergi].

**AAS : Berapa bulan belajar?**

**EFY :** Ada satu orang tu, askar pencen, askar tu dia nak pencen dia ada kursus dalam tiga bulan. Dia mari kursus sini [ datang buat kursus]. Dia pandai dah buat buat Golok ni tapi bila pencen, dia tak mari [datang] dah (sambil menggelengkan kepala). Tak tahu macam mana.

**AAS : Kenapa tu?**

**EFY :** Tak tahu, saya tak boleh nak bagi tahu.

**AAS : Seorang je lah?**

**EFY :** Dua tiga orang jugak [tiga orang]. Askar, biasalah askar pencen.

**AAS : Askar juga ke, semua anak murid cikgu?**

**EFY :** Ha (mengiakan).

**AAS : Bila tu cikgu buat bengkel yang askar join [sertai]?**

**EFY :** Askar tu dalam tiga tahun lepas

**AAS : Sekali la blako tu [semua]?**

EFY : Tidak sekali, tidak satu masa. Dia bergilir-gilir. Tu ada tempat dia (tunjuk ke sebelah tempat belajar), dapur apa saya buat.

AAS : **Ni? (tunjuk ke arah sebelah )**

EFY : Tempat dia belajar tuh

AAS : **Loni takde dah [sekarang tak ada]?**

EFY : Tak ada (senyum).

AAS : **Kalau cikgu mengajar, cikgu ajar tak ukiran kayu?**

EFY : Ukiran kayu saya tak ajar, Cuma saya ajar inilah bahagian besi.

AAS : **Kiranya kena belajar sendiri la tu?**

EFY : Tu, dia tak boleh nak ajar sebab kemahiran ni dia payah [susah], kemahiran ni ia mari [datang] dari kepala kita sendiri, mari [datang] daripada asas lagi.

AAS : **Kalau orang tak kreatif payah [susah] la tempa?**

EFY : Ha (mengiakan).

AAS : **Kalau cikgu mengajar tu, cikgu mengajar sendiri ke ada pembantu mengajar?**

EFY : Kalau nak mengajar ni dia tak boleh \_\_\_pembantu, dia kena sorang je.

AAS : **Sorang?**

EFY : Ha (mengiakan) kita bagitahu dia buat macam ni macam ni (sambil

mengerakkan tangan) ha takpolah [ kiranya okay lah , duduk sekejap, kita pergi tengok dia buat, dia kemahiran dia macamtu, tak boleh nak oyak [bagitahu] macam cikgu sekolah mengajar, cikgu sekolah dia mengajar gini, oyak-oyak gini [bagitahu macam-macam] tapi kemahiran ni kita kena pergi tunjuk. Nak tunjuk buat laguni [macam ni].

**AAS : Ada orang tolong tak masa cikgu mengajar?**

EFY : Tak ada orang tolong.

**AAS : Pernah tak cikgu dijemput ke mana-mana undangan untuk pameran hasil pertukangan besi cikgu?**

EFY : Ada

**AAS : Mana tu?**

EFY : Ada di Kraf Tangan [Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia] hari tu, tapi saya tak pergi

**AAS : Kiranya cikgu tak pernah buat pameran lagi lah hasil barang cikgu ni?**

EFY : Tak pernah buat pameran.

**AAS : Pernah tak—pertukangan besi ni mendapat perhatian- perhatian media? Pastu gapo [apa] media yang mari [datang]?**

EFY : Setakat ni, kita ada satu media iaitu TV Alhijrah tu.

**AAS : Selain itu ada\_\_?**

- EFY : Ada syarikat la, tiga syarikat, tak ingat dah saya apa nama syarikat.
- AAS : **Bila tu?**
- EFY : Dalam dua tahun tiga tahun lepas, TV Alhijrah ni yang terbaru sekali. Tahun ni dah TV Alhijrah ni, tak tahu bulan berapa baru ni.
- AAS : **Dia tayang dah ke?**
- EFY : Dia tayang dah. Dalam tajuk gotu lah [yang tu]
- AAS : **Tajuk gapo [apa]?**
- EFY : “Pusaka Kita Maruah Kita”
- AAS : **Apa pengalaman yang cikgu cikgu tak boleh lupa semasa aktif dalam bidang pertukangan besi ni?**
- EFY : Kemalangan yang saya tak boleh lupa ialah- masuk habuk besi dalam mata tu
- AAS : **Pengalaman dia cikgu, pengalaman manis yang cikgu cikgu tak boleh lupa semasa bergiat dalam bidang ni?**
- EFY : Pengalaman manis ialah hasil saya buat keris lah. Hasil saya buat keris tu saya dapat pendapatan lumayan\_.
- AAS : **Berapa tu anggaran?**
- EFY : Sehingga RM1500, RM2000 ada satu bilah.

**AAS : Bila tu?**

**EFY : Dalam—tiga tahun lepas**

**AAS : Cikgu nak mewarisi ke perusahaan ini kepada anak-anak cikgu?**

**EFY : Setakat hari ini, untuk mewarisi kepada anak-anak tu tidak ada lagi, sebab anak saya semua kerja kerajaan dan tidak bekerja dalam negeri Kelantan, semua duduk sebelah luar negeri, tidak boleh nak ajar**

**AAS : Tak ada yang berminat lah sekarang ni?**

**EFY : Ada sorang yang berminat.**

**AAS : Mungkin lepas bersara nanti \_\_\_?**

**EFY : Mungkin lepas ini**

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

#### **BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN**

**AAS : Pencapaian terbesar cikgu dapat selama ni, selama bergiat dalam bidang ni?**

**EFY : Pencapaian saya – pencapaian terbesar sekali saya dapat adalah daripada pelajar-pelajar UMK [Universiti Malaysia Kelantan]**

**AAS : Gapo [apa]?**

**EFY : Pelajar-pelajar UMK [Universiti Malaysia Kelantan] dia mari [datang]**

tempah parang – macam-macam jenis parang ada dia suruh buat, dia bawa dengan sampel semua apa sekali, ha itulah kejayaan yang paling banyak sekali saya dapat.

**AAS : Untuk tujuan gapo [apa] dia tempah, untuk pendidikan ke\_?**

EFY : Untuk\_\_\_kerja kursus dia.

**AAS : Gapo pencapaian yang cikgu nak sekarang ni?**

EFY : Pencapaian yang saya nak sekarang ni ialah—saya nak alat.

**AAS : Alat gapo tu [apa tu] (tersenyum)?**

EFY : Alat lah kalau boleh, alat seperti grinder meja, alat-alat tambahan lain lah

**AAS : Sekarang ni tak ada lagi lah?**

EFY : Tak ada lagi, kalau boleh saya nak memperbesar sikit lagi, bengkel saya nak besar sikit lagi, luas lagi.

**AAS : Tambah pekerja lagi ke gitu [macam tu].**

EFY : Bila bengkel besar, ada alat tambahan lagi, kita boleh tambah la pekerja.

**AAS : Setakat ni berapa banyak hasil dijual, kumpul-kumpul\_?**

EFY : Hasil tu banyak tak boleh nak kira.

**AAS : Anggaran tu berapa?**

EFY : Tak boleh boleh nak\_\_\_anggaran tu banyak, sabit sahaja tu berapa ribu,

beribu bilah sabit sahaja, parang tak boleh nak kira, saya pon tak tulis dalam buku. Memang banyak.

**AAS : Apakah perasaan cikgu setelah hasil karya besi cikgu mendapat tumpuan orang ramai?**

EFY : Perasaan—perasaan sangat gembira sebab kita boleh menonjol balik seni-seni lama orang-orang melayu, terumanya tukang besi ni, tukang besi ni sekarang ni tidak ada untuk mewarisi keturunan orang melayu dulu. Sebab tukang besi—orang muda-muda sekarang ni dia tak boleh buat benda pelik-pelik, alat-alat yang pelik dia tak boleh buat

**AAS : Dia boleh buat yang biasa-biasa je lah?**

EFY : Dia buat macam golok biasa, barang-barang lurus gitu [macam tu] boleh nak buat, kalau nak buat barang-barang bengkok memang tak boleh, bukan muda-muda sekarang ni, jadi, ilmu—ilmu lama tu kita nak naikkan balik kalau boleh.

**AAS : Tapi saya ada perasan banyak juga pertuka- pandai besi daripada negeri-negeri lain, ia beza tak dengan pertukangan cikgu \_\_\_?**

EFY : Pertukangan besi dari negeri lain tu—lebih burang sama, Cuma, dari segi keunikan tu ada lah

**AAS : \_\_\_orang pilih cikgu daripada\_\_\_?**

EFY : Jadi keunikan dia mungkin dia tengok—eh banyak seni ni. Hasil daripada saya buat ni, eh banyak seni di kata, kemungkinan hoktu [yang tu] keunikan



dianya.

**AAS : Dia kalau orang lama lagi \_\_\_\_.**

**EFY : Lagi banyak unik dia tu, banyak seni la kalau orang tengok.**

**AAS : Cikgu pernah tak dapat gelaran sepanjang dalam bidang pertukangan besi \_\_\_\_?**

**EFY : Tak ada gelaran gapo [apa] setakat sekarang ni tak ada gelaran lagi**

**AAS : Orang panggil cikgu je lah?**

**EFY : Ha cikgu tukang besi (tersenyum)**

#### **TAMAT BAHAGIAN 5**

#### **BAHAGIAN 6: PENDAPAT/NASIHAT**

**AAS : Apa pendapat cikgu tentang kerjaya pertukangan besi dengan kerjaya lain?**

**EFY : Banding dengan kerjaya lain—kalau dari segi pertukangan ni buat masa sekarang ni—bagi saya lah, pendapat saya lah, lebih—lebih baik pertukangan besi, tapi pertukangan besi ni seperti orang- orang ramai maklum lah, tidak semua orang boleh buat, boleh buat—kerja pertukangan besi**

**AAS : Dia penat juga la nampak?**

**EFY : Penat tu penat, guna tenaga, dia jenis kemahiran...tidak semua orang boleh**

menceburkan diri dalam kemahiran ini—kemahiran pertukangan besi ni. Dia mesti ada asas juga daripada kecil lagi, dia mesti ada asas pertukangan besi, kalau baru-baru mari [datang] tak tahu apa, mari nak belajar (sambil menggelengkan kepala)—susah.

**AAS : Tak ada ke macam budak-budak muda, muda lagi macam budak ke belajar dari awal?**

EFY : Setakat sekarang ni, budak-budak muda tidak ada

**AAS : Pada pendapat cikgu, gapo [apa] inisiatif yang perlu dilakukan masyarakat atau kerajaan untuk mengekalkan atau mengembangkan warisan pertukangan besi ini?**

EFY : Untuk mengekalkan warisan pertukangan besi ni, dua—dua agensi daripada kerajaan yang kena membantu—untuk menaikkan pertukangan besi iaitu satu, daripada Kolej Komuniti. Kolej Komuniti ni dia ada bidang seni.

**AAS : Dia ada kemahiran seni la?**

EFY : Dia ada kemahiran seni dia, jadi dia kena bawa pelajar-pelajar dia ni hok [yang] berminat dengan pertukangan besi ni mari sini [datang sini] supaya belajar—ramai-ramai, secara kumpulan mari [datang]. Tu satu, yang kedua melalui Kraf Tangan, Kraf Tangan, dia boleh cari di kalangan orang-orang muda ni, dia kumpul hok [yang] minat pertukangan besi ni mari [datang] belajar. Ah tu cara saya duk [tengah] nampak setakat hari ni lah.

**AAS : Hok [yang] tu paling penting kan \_\_\_.**

- EFY : Kalau kerajaan nak menaikkan—nilah—Pandai Besi ni.
- AAS : **Kalau tak buat gitu [macam tu] orang tak kenal \_\_\_\_.**
- EFY : Ha, kalau tak buat gitu, selain pada kita iklan lah, kerajaan kena iklan lah, badan-badan seperti tu.
- AAS : **Cikgu pernah tak dapat macam bantuan kerajaan untuk pertukangan besi \_\_\_\_?**
- EFY : Setakat hari ni saya tak pernah, tak pernah satu sen pon saya dapat bantuan daripada kerajaan.
- AAS : **Kiranya cikgu guna duit cikgu sendiri lah?**
- EFY : Ha, saya guna duit saya sendiri. Pernah saya cuba untuk mendapatkan daripada KADA [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu]—tak dapat. Sekarang ni buat daripada RISDA [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah]- baru saya buat permohonan, untuk beli alat-alat tambahan. Sampai sekarang ni—dia kata—hari ni nak mari tengok, hari ni nak mari tengok, hari ni nak mari tengok—sampai sekarang tak mari [datang] tengok. Tak berjaya la tu maksudnya—tulah kerajaan nak oyaknya [nak kata] (tersenyum).
- AAS : **Gapo [apa] nasihat cikgu kepada generasi sekarang hok [yang] berminat nak belajar bidang ini?**
- EFY : Nasihat saya- kepada- generasi- muda sekarang ni yang, nak minat belajar, saya alu-alukan, marilah belajar dengan saya. Saya terbuka—bila-bila masa--

saya terima—untuk memberi sedikit \_\_\_ hok [yang] setakat saya ada,  
kemahiran saya ada ni saya akan bagilah kepada yang baru-baru nak belajar.

**AAS : Bayaran nak belajar tu berapa \_\_\_?**

EFY : Bayaran—saya tak kena bayaran, saya tak kena bayaran apa-apa—cuma hasil daripada buatan dia tu dia ambik la, di ambil jual ke apa sekalipun, saya tak ambil, Cuma saya ambil modal la misalnya dia guna api, guna elektrik, guna arang. Ha tu—terpulang kepada yang nak belajar tu mari lah, dia tak mari [datang] pon tak ada apa.

**AAS : Apa pandangan cikgu tentang kaum wanita hok [yang] menceburi bidang ni?**

EFY : Kaum wanita pon saya rasa boleh menceburi dalam bidang ni—sebab sekarang ni kita tak guna tenaga, tak guna ketuk dengan tangan, tapi dengan syarat kena ada mesin, mesin sekurang-kurangnya sebutir- sebuah- Air Hammer ni- boleh buat wanita pon

**AAS : Kena ada modal juga kan?**

EFY : Modal tu memang la.

**AAS : Nak tahu gapo [apa] perbezaan pertukangan besi tradisonal dengan moden? Hok [yang] dulu lah \_\_\_.**

EFY : Perbezaan antara—pertukangan besi hok [yang] moden dengan dulu ni cuma dia- dari segi seni je lah \_\_\_ hok [yang] tradisional ni dia banyak seni, kalau kita perati [tengok] lama-lama—sesuatu benda dia buat tu dia ada seni gitu

[macam tu]

**AAS : Ada macam halus la kan?**

**EFY :** Ha, ada seni- banyak seni daripada hok [yang] moden, misalnya hok buatan kilang dok? [bukan], buatan kilang kita nampak tak ada seni, macam kasar gitu [macam tu], contoh nya- misalnya kita nak buat ulu, ulu larik [kayu] tak? Kita larik la ulu, contoh ulu parang ke ulu sadak [sabit] ke apa, untuk kilang, dia tak guna larik, ulu, dia guna plastik, ulu plastik, buat golok, buat parang panjang apa semua dia guna plastik, tak ada langsung seni di situ

**AAS : Kira tak comey [cantik] lah?**

**EFY :** Kita, orang—tradisi ni, orang lama ni—dia larik kemudian di buat ulu dengan kayu\_\_\_ada seni.

**AAS : Cikgu dapat mana kayu tu buat ulu?**

**EFY :** Kayu tu dia macam-macam jenis kayu- tengok kayu kampung ada, kayu bukit ada, kayu tu macam-macam jenis

**AAS : Kayu hok [yang] buat keris tu kayu gapo [apa]?**

**EFY :** Kayu hok [yang] saya buat keris ni biasanya saya guna kayu apa ni- kemuning

**AAS : Kemuning, dia keras ke gano [macam mana]?**

**EFY :** Kayu kemuning ni dia tidak keras—dia warna dia.

**AAS** : **Warna dia comey [cantik]?**

**EFY** : Ha, warna dia molek [bagus].

**AAS** : **Apa perancangan cikgu—pada masa hadapan?**

**EFY** : Perancangan saya ialah saya nak cuba mencari yang boleh mewarisi kerja pertukangan besi. Sekarang ni saya dok mencari, dok tengok mencari siapa yang nak mewarisi.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## RUJUKAN

- Dahalan Fazil (2006, June 30). *Warisan Pertukangan Besi Pekan Darat*. Sejarah Warisan Seberang Perai Dan Pulau Pinang. <http://dlan6658.blogspot.com/2010/08/warisan-pertukangan-besi-pekan-darat.html>
- Jabatan Warisan Negara. (2016, May 30). *Bahagian Warisan Tidak Ketara*. <https://heritage.gov.my/pengenalan-warisan-tidak-ketara.html>
- Mohammad Haris Abd Azis. (2021, February 4). *Seni Dan Budaya Tradisi Perlu Anjakan Paradigma*. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/ntaminda/news.php?id=1947937>
- Mohd Salehuddin. (1951, December). Garisan Sejarah Kesenian dan Pertukangan Melayu. *Majalah Mastika*, 62, 8-16.
- Muhammad Razis Ismail (2020, February 19). Tahan bahang proses sepuhan [METROTV]. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2020/02/546017/tahan-bahang-proses-sepuhan-metrotv>
- Pak Mazin Pandai Besi Keris Hebat Melayu*. (2020, February 11). USIM CULTURAL CENTRE. <https://kebudayaan.usim.edu.my/pak-mazin-pandai-besi-keris-hebat-melayu/>
- Pandai besi makin pupus. (2015, November 13). *HM Online*. <https://api.hmetro.com.my/node/92789>
- Rosman Shamsudin (2020, January 12). Tukang besi cara lama. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/534332/tukang-besi-cara-lama>

Samadi Ahmad (2016, January 22). Tukang besi lulusan diploma multimedia. *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/01/117148/tukang-besi-lulusan-diploma-multimedia>

Seow, H. L. (2020, July 14). *Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting Dan diperlukan dalam penyelidikan Dan penulisan sejarah*  
? ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)

Siti Sofia Md Nasir (2015, March 16). Waris pandai besi. *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/03/41443/waris-pandai-besi>



# LAMPIRAN

# LOG TEMUBUAL

Aisyah Aiyani Shahrudin menemubual Encik Fauzi Yusuff, yang dilahirkan pada 1954, di Pasir Mas, Kelantan. Temubual dijalankan di rumah beliau di Kampung Hutan Pasir Ketereh, Kelantan, mengenai pengalaman beliau dalam bidang pertukangan besi.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0.00	Bercakap mengenai latar belakang peribadi	Fauzi bin Yusuff Kampung Hutan Pasir. Kampung Padang Embun, Tendong, Pasir Mas, Kelantan.
1.00	Bercakap mengenai hobi	
1.51	Menerangkan tentang sejarah kemahiran yang dimiliki	
2.00	Memberitahu nama ibu bapa	Yusuff bin Kasim. Mariam binti Ismail.
2.13	Bercakap mengenai bilangan adik beradik	
3.15	Bercakap mengenai latar belakang perkahwinan seperti nama isteri dan maklumat mengenai anak	Che Azizah binti Mat Ali

<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
5.00	Memberitahu mengenai tempat belajar	Sekolah Kebangsaan Tendong, Pasir Mas, Kelantan Sekolah Menengah Mahmud Mahyiddin, Pasir Pekan Tingkatan enam di Jitra, Kedah.
5.36	Bercerita mengenai kenangan pahit dan manis	
6.43	Bercerita mengenai maklumat Pendidikan tinggi	Universiti Sains Malaysia
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA SEBELUM</b>		
7.43	Bercakap mengenai kegiatan selepas tamat belajar	
7.59	Bercakap mengenai kerjaya dalam bidang Pendidikan dan tempat bekerja	Sekolah Menengah Kok Lanas
<b>BAHAGIAN 4: KERJAYA TERKINI</b>		
9.22	Bercakap mengenai penglibatan dalam bidang pertukangan disamping menjadi guru	

10.22	Bercakap mengenai punca dan sejarah penglibatan dalam bidang pertukangan besi	
13.43	Bercakap mengenai perasaan setelah terlibat sepenuh masa dalam bidang pertukangan besi	
14.37	Bercakap mengenai alat pertama yang telah dihasilkan	
17.00	Bercakap mengenai modal dan maklumat lebih mendalam mengenai pertukangan besi	
26.00	Bercakap mengenai sumber bahan mentah, jenis besi serta kegunaannya	
28.20	Bercakap mengenai sarung alatan besi dan harga	
29.30	Bercakap mengenai kemahiran asas untuk menempa besi	
30.40	Bercakap mengenai kemalangan ketika bertukang serta langkah keselamatan	

31.30	Bercakap mengenai tempahan, lokasi jualan dan harga jualan untuk alat yang dihasilkan	
34.10	Bercakap mengenai iklan	
34.50	Bercakap mengenai tempahan dari luar negeri	
36.50	Bercakap mengenai bengkel pertukangan besi	
39.40	Bercakap mengenai media	TV ALHIJRAH
40.40	Bercakap mengenai pengalaman manis semasa penglibatan dalam pertukangan besi	
<b>BAHAGIAN 2: PENCAPAIAN</b>		
42.00	Bercakap mengenai pencapaian terbesar dan pelanggan yang berkait rapat dengan pencapaian yang diperolehi	Universiti Malaysia Kelantan
42.44	Bercakap mengenai pencapaian yang ingin dicapai	

43.50	Bercakap mengenai perasaan setelah hasil karya dikenali ramai	
45.00	Bercakap mengenai perbezaan pertukangan besi Kelantan dengan negeri lain	
<b>BAHAGIAN 2: PENDAPAT/NASIHAT</b>		
46.00	Memberi pandangan mengenai kerjaya pertukangan besi	
46.30	Memberi pandangan dan nasihat mengenai info untuk menceburi bidang pertukangan besi	
47.00	Memberi pendapat mengenai agensi yang dapat membantu mengekalkan dan mengembangkan warisan pertukangan besi	Kolej komuniti RISDA
50.36	Memberi pandangan mengenai penglibatan kaum wanita dalam bidang pertukangan besi	
51.10	Memberi pandangan mengenai perbezaan pertukangan besi traditional dan moden	

53.00	Bercakap mengenai perancangan pada masa hadapan	
-------	---	--

## DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh	Tindakan
2.49 pm	12 Oktober 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menerangkan mengenai tugas dan memberikan tema untuk tugas sejarah lisan.</li> </ul>
8.00 pm	13 Oktober 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pemilihan rakan untuk melakukan tugas ini.</li> <li>• Membuat perbincangan mengenai pemilihan tokoh.</li> </ul>
3.04 pm	2 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih tokoh yang menghasilkan bot traditional tetapi tiada maklumat untuk menghubungi tokoh.</li> </ul>
4.05 pm	2 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat keputusan untuk memilih tokoh dalam bidang pertukangan besi setelah terjumpa nombor telefon tokoh di ruangan komen di Youtube</li> </ul>
9.00 pm	3 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertama kali mengenali tokoh</li> <li>• Carian melalui Google untuk mencari tokoh di Kelantan. Menjumpai maklumat ringkas mengenai tokoh melalui artikel di dalam blog.</li> <li>• Mencari maklumat untuk menghubungi tokoh</li> </ul>
9.00 pm	6 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbualan pertama bersama tokoh</li> <li>• Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah dibuat untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.</li> <li>• Tokoh bersetuju untuk ditemuramah. Tarikh dan waktu untuk ditemuramah dibincang dan dipersetujui oleh tokoh.</li> </ul>
8.00 pm	7 November	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat skrip soalan temu buat untuk ditanya kepada tokoh.</li> </ul>



	2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari maklumat tambahan mengenai bidang yang diceburi oleh tokoh di internet.</li> </ul>
10.00 am	10 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari lokasi rumah tokoh di Google Map</li> <li>• Meninjau lokasi rumah tokoh untuk memastikan lokasi rumah tokoh adalah betul.</li> </ul>
8.00 pm	12 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pemeriksaan peralatan untuk merakam temu bual bersama tokoh</li> <li>• Mengecas bateri tambahan untuk kamera.</li> </ul>
9.00 am	13 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temu bual bersama tokoh.</li> <li>• Temu bual bersama tokoh di rumah beliau di pasir mas.</li> </ul>
1.00 pm	13 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memeriksa rakaman setelah temu bual bersama tokoh.</li> </ul>
9.00 pm	21 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat proposal sejarah lisan mengenai temu bual bersama tokoh.</li> </ul>
10.20 pm	22 November 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar proposal sejarah lisan yang telah dibuat kepada pensyarah melalui Google Classroom.</li> </ul>
12.00 pm	2 Disember 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar soalan temu bual bersama tokoh kepada pensyarah melalui Google Classroom.</li> </ul>
	5 Februari 2022	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat artikel dan transcript</li> </ul>
	10 Februari 2022	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar artikel, diari kajian dan medium dan alatan rakaman</li> </ul>
	14 Februari 2022	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar transcript</li> </ul>

	28 Februari 2022	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghantar transcript lengkap ke UiTM Machang</li></ul>
--	------------------------	---

# SOALAN TEMUBUAL

## 1) Latar Belakang Peribadi

1. Boleh ceritakan sedikit latar belakang encik seperti nama penuh, nama panggilan, umur, Tarikh lahir, tempat lahir dan sebagainya?
2. Apakah hobi encik sewaktu masa lapang?
3. Bolehkah encik menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang keluarga encik seperti ibubapa dan adik-beradik?
4. Apakah kerjaya adik-beradik encik sekarang?
5. Bilakah encik mula berkeluarga?
6. Apakah nama isteri encik?
7. Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh isteri encik?
8. Berapa orangkah anak encik?
9. Berapakah umur anak encik sekarang?
10. Dimanakah anak-anak encik sekarang atau kerjaya terkini anak encik?

## 2) Latar Belakang Pendidikan

1. Dimanakah encik mula mendapatkan Pendidikan awal?
2. Dimanakah encik mendapatkan Pendidikan di sekolah menengah?
3. Boleh encik ceritakan apa pengalaman pahit dan manis semasa di zaman persekolahan?
4. Semasa di bangku sekolah, apakah pencapaian terbaik yang encik pernah capai?
5. Selepas menamatkan zaman persekolahan, adakah encik ada menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?
6. Boleh ceritakan sedikit encik menyambung pengajian di peringkat apa dan di mana?
7. (sekiranya ya), berapa lamakah tempoh pengajian yang encik ambil?
8. Adakah bidang yang diceburi itu adalah bidang yang diminati atau bukan?
9. Kenapa encik memilih bidang itu?
10. Apakah yang telah encik pelajari melalui bidang yang telah encik pilih?
11. Apakah pencapaian yang telah encik perolehi?

### 3) Bidang / Kerjaya

#### Sebelum

1. Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat belajar?
2. Kenapa memilih pekerjaan itu?
3. Apakah jawatan yang dipegang oleh encik?
4. Berapa lamakah encik berkhidmat sebagai encik?
5. Apakah perasaan encik semasa mula memasuki alam pekerjaan?
6. Adakah encik melakukan banyak pekerjaan dalam satu masa?
7. Adakah semasa melakukan pekerjaan tersebut, encik telah mula berjinak dalam bidang pembuatan besi ini?
8. Bagaimanakah encik membahagikan masa antara kerja dan keluarga?

#### Semasa (Terkini)

1. Bilakah encik mula terlibat dengan kegiatan pertukangan besi ini?
2. Bagaimanakah encik boleh terlibat dengan kegiatan pertukangan besi?
3. Mengapakah encik membuat keputusan untuk berhenti kerja lama dan bergiat aktif dalam bidang pertukangan besi ini?
4. Bagaimanakah encik memaklumkan kepada keluarga untuk beralih bidang?
5. Adakah encik mendapat sokongan penuh dari keluarga ataupun ada yang membantah?
6. Apakah perasaan encik ketika mula terlibat dalam bidang ini?
7. Apakah hasil pertukangan besi pertama yang encik hasilkan semasa mula terlibat dalam bidang ini?
8. Dari manakah encik belajar mengenai pertukangan besi ini?
9. Encik generasi keberapa yang membuat pertukangan besi dalam keluarga?
10. Adakah encik melibatkan diri dalam bidang pertukangan besi ini kerana untuk mengekalkan warisan keluarga atau encik sendiri minat dengan bidang ni?
11. Adakah ahli keluarga encik juga turut terlibat sama dalam bidang ini?
12. Adakah ahli keluarga encik sememangnya mempunyai kemahiran bertukang atau sekadar membantu sahaja?

13. Adakah kegiatan pertukangan besi ini merupakan punca pendapatan utama encik sekeluarga?
14. Berapa lamakah encik terlibat dalam bidang ni?
15. Adakah encik memerlukan modal yang besar untuk memulakan kegiatan pertukangan besi dan berapa anggaran modal yang dikeluarkan oleh encik?
16. Adakah encik pernah mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan untuk membantu perniagaan peralatan besi?
17. Apakah peralatan penting yang diperlukan untuk menempa besi?
18. Pernahkah encik membuat peralatan besi secara traditional tanpa menggunakan mesin yang canggih?
19. Bolehkah encik ceritakan sedikit cara pembuatan besi ini?
20. Apakah ciri-ciri penting yang perlu dititikberatkan semasa menempa besi?
21. Berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan peralatan besi?
22. Peralatan apakah yang paling rumit dan memerlukan masa yang lama untuk disiapkan?
23. Pernahkah encik menghasilkan alatan besi daripada contoh reka bentuk yang dilukis oleh pelanggan?
24. Dalam banyak-banyak contoh reka bentuk itu, ada tak yang menarik perhatian encik?
25. Adakah corak reka bentuk daripada pelanggan boleh terus dihasilkan atau memerlukan pindaan daripada encik?
26. Dari manakah encik mendapatkan bahan mentah untuk mula bertukang?
27. Daripada kebanyakan besi, besi jenis apakah yang encik rasa susah untuk ditempa?
28. Pernahkah encik menerima besi batang paip daripada pelanggan?
29. Saya nampak sarung alatan besi berbentuk ikan arowana di dalam internet. Adakah bentuk itu adalah corak daripada pelanggan atau corak daripada rekaan encik sendiri?
30. Ukiran sarung bentuk ikan arowana nampak kreatif. Dimanakah encik mempelajari cara mengukir dan adakah encik belajar dengan ayah encik juga?
31. Ada tak corak selain corak ikan arowana yang encik buat?
32. Berapakah anggaran harga yang encik jual untuk alatan besi termasuk dengan sarung?

33. Pelanggan tidak berkenan dengan alatan yang telah siap encik tempa. Pernahkah berlaku situasi sebegini?
34. Apakah kemahiran yang diperlukan untuk memulakan pertukangan besi?
35. Pernahkah berlaku sebarang kecederaan semasa melakukan kerja pertukangan?
36. Apakah langkah keselamatan yang perlu dititikberatkan semasa berada di bengkel?
37. Adakah encik membuat alatan besi siap untuk dijual atau hanya untuk tempahan sahaja?
38. Bagaimanakah cara untuk membuat sebarang tempahan?
39. Bagaimanakah dengan kadar bayarannya?
40. Adakah encik ada mengiklankan di mana-mana platform?
41. Adakah encik menempa besi ini secara berseorangan atau ada bantuan lain seperti ahli keluarga, adik beradik atau pekerja?
42. Apakah hasil alatan besi yang pernah encik buat?
43. Kemanakah encik akan menjual hasil tukang encik ini?
44. Pernahkah encik mendapat tempahan dari jauh misalnya dari luar negara?
45. Bagaimanakah proses untuk menghantar tempahan tersebut?
46. Adakah encik membuka bengkel pertukangan besi kepada orang ramai yang ingin mempelajari bidang ini?
47. Bagaimana dengan sambutannya? Adakah ramai yang berminat?
48. Berapakah bayaran yang dikenakan?
49. Apakah yang akan diajar kepada anak murid encik?
50. Adakah ukiran kayu juga akan diajar oleh encik?
51. Adakah encik akan mengajar sendiri atau akan dibantu oleh orang lain?
52. Pernahkah encik dijemput ke mana-mana undangan untuk mempamerkan hasil tangan pertukangan besi?
53. Pernahkah bidang yang diusahakan encik ini mendapat perhatian pihak media sosial seperti surat khabar, majalah ataupun stesen televisyen?
54. Apakah pengalaman yang tidak boleh dilupakan sepanjang bergiat aktif dalam pertukangan besi ini?
55. Adakah encik akan mewarisi perusahaan ini kepada anak-anak encik?

#### **4) Pencapaian**

1. Apakah pencapaian terbesar yang pernah dicapai sepanjang terlibat dalam kegiatan pembuatan besi ini?

2. Apakah pencapaian yang ingin encik kecapai?
3. Berapa banyakkah hasil karya yang dihasilkan telah terjual?
4. Apakah perasaan encik setelah hasil karya encik mendapat tumpuan ramai tidak kira dalam mahupun luar negara?
5. Adakah encik pernah menerima sebarang gelaran sepanjang bergiat aktif dalam industri pembuatan besi ini?

#### **5) Pandangan / Nasihat**

1. Apakah pandangan encik tentang kerjaya pertukangan besi berbanding kerjaya lain?
2. Pada pendapat encik, Apakah inisiatif yang perlu dilakukan masyarakat atau kerajaan untuk mengekalkan atau mengembangkan warisan pertukangan besi ini?
3. Apakah nasihat encik kepada generasi sekarang yang berminat untuk menceburi bidang ini?
4. Apakah pandangan encik tentang kaum wanita yang menceburi bidang pertukangan besi?
5. Apakah perbezaan pertukangan besi secara tradisonal dengan moden?
6. Adakah encik mempunyai perancangan lain pada masa hadapan dalam bidang ini?

# SURAT PERJANJIAN





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya FAUZI BIN YUSOFF  
K.P. 540304-01-527 pada 13/11/2021 dengan ini  
bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan  
Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang diilhamkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

  
.....  
Nama peserta kajian: FAUZI BIN YUSOFF  
Tarikh: 13/11/2021

  
.....  
Pensyarah: Nor Kamariah BI Chik  
b.p. Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA.



# GAMBAR



Gambar 1. Keris



Gambar 2. Sabit Kuek



Gambar 3. Kewang

# INDEKS

## A

Akta Warisan Kebangsaan 2005, x  
alat, 17, 19, 22, 30, 39, 40, 43, 50  
angin, 17  
asas, 19, 28, 35, 41

## B

bahaya, 28  
belajar, 10, 11, 14, 15, 16, 27, 33, 34, 35, 42, 43, 44, 49,  
58, 59  
**bengkel**, 33, 34, 39, 60  
Besi galvanis, 27  
besi *spring*, 19  
**bidang**, ii, iv, x, 5, 10, 11, 14, 15, 16, 37, 38, 41, 42, 43,  
44, 48, 49, 50, 52, 54, 57, 58, 59, 60, 61  
bilah, 23, 24, 26, 29, 37, 39

## C

Calung, 24  
**Corak**, 27, 31

## G

generasi, iv, 16, 43, 58, 61  
golok, 26, 40, 45  
google, 32  
*grinder*, 20, 39

## H

**halus**, 45  
**hasil**, 5, 15, 36, 37, 39, 40, 44, 52, 58, 60, 61  
**hobi**, 5, 48, 57

## I

ilmu, 6, 14, 16, 40

## J

Jambul, 24

## K

KADA, 43  
Kayu, 45  
Kelantan, viii, 5, 6, 8, 15, 23, 24, 33, 38, 48, 49, 51, 54  
**Kemuning**, 45  
kerajaan, 6, 14, 38, 42, 43, 59, 61  
keris, 31, 37, 45  
kerjaya, iv, 6, 7, 11, 41, 49, 52, 57, 61  
ketuk, 17, 18, 20, 23, 28, 44  
klewang, 30  
Kraf Tangan, 36, 42  
**kursus**, 8, 9, 34, 39  
kuwek, 22, 23

## L

lekuk, 23

## M

melayu, 30, 31, 40  
mengajar, 11, 12, 35, 36, 60  
mesin angin, 17  
mesin pengetuk, 14, 17  
mewarisi, 6, 33, 38, 40, 46, 60  
Modal, 44

## N

negeri, 17, 32, 33, 38, 40

## P

pameran, 36  
parang, 24, 28, 29, 31, 38, 39, 45  
Parang Calung, 24  
Parang Jambul, 24  
Pasar Siti Khadijah, 29  
**pengalaman**, ii, iv, 5, 37, 48, 57, 60  
Pengapit, 18  
**perbezaan**, 44, 52, 61  
plastik, 45

## R

RISDA, 43, 52

## S

sabit, 15, 18, 19, 20, 22, 23, 26, 28, 30, 39, 45

sabit kuwek, 22

sampel, 30, 38

seni, iv, x, 13, 40, 41, 42, 44, 45

Sijil Pelajaran Malaysia, 9

*spring*, 19

## T

tradisional, x, 18, 44

tukang besi, 6, 40, 41

## U

ulu, 27, 30, 45

Universiti Sains Malaysia, 9

## W

wanita, 44, 52, 61

warisan, iv, x, 16, 42, 52, 58, 61

Warisan, x

warisan seni halus, x